

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 25 November 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah hasil yang diperoleh Kerajaan serta hasil pelepasan aset-aset Persekutuan yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Hasil Disatukan memandangkan Kerajaan telah pun melepaskan pelbagai aset kewangan yang melibatkan Khazanah Nasional semenjak pasca PRU 14 untuk memperbaiki kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan atau pelupusan aset adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

2. Sejak Mei 2018 sehingga Jun 2019, Khazanah telah melaksanakan pelupusan berjumlah kira-kira RM18.8 bilion, iaitu RM3.2 bilion (antara Mei – Disember 2018) dan RM15.6 (antara Januari – Jun 2019). Hasil daripada pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah sepanjang tahun 2018 dan 2019, Khazanah telah berjaya mengurangkan hutang kira-kira RM8 bilion daripada RM55 bilion kepada RM47 bilion, dan dijangka akan

terus dikurangkan kepada RM35 bilion hingga RM40 bilion dalam tempoh jangka sederhana.

3. Bagi Tahun Kewangan 2019, Khazanah menjangkakan akan kembali mencatatkan keuntungan sekitar RM5 bilion, berbanding kerugian RM6.3 bilion pada Tahun Kewangan 2018.

4. Hasil daripada pelupusan tersebut tidak dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan ataupun digunakan untuk membayar hutang Kerajaan. Sebaliknya Kerajaan hanya menerima pendapatan dalam bentuk dividen tahunan dan cukai.

5. Pada tahun 2018, Khazanah telah mengisytiharkan serta membayar dividen berjumlah RM1.5 bilion dan cukai sebanyak RM249 juta kepada Kerajaan.

6. Khazanah telus dalam pelaporan berkaitan aktiviti pelaburan dan pelupusan. Khazanah melaporkan prestasi kewangan, aktiviti pelaburan dan pelupusannya serta hala tuju dan tumpuan masa depan. Khazanah menerbitkan laporan tahunan serta penyata kewangan yang jelas memaparkan aktiviti pelaburan dan pelupusan serta prestasi kewangannya untuk tatapan umum.

Sekian, terima kasih.